

Pemeliharaan paya bakau ke arah masa hadapan lestari - TNB

SHAH ALAM - Stesen Janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus berharmoni dengan alam sekitar melalui komitmen memelihara dengan mengekal dan menjaga ekosistem, khususnya paya bakau di sekitar kejiranan.

TNB dalam kenyataannya memaklumkan, 9,800 anak pokok bakau telah ditanam menerusi program pemulihan hutan bakau di Pasir Panjang, Kinta, Perak; Kampung Sungai Tiram serta Kampung Sungai Limau di Manjung, Perak sejak 2013 sehingga kini yang merupakan kejiranan Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS), Manjung

Menurutnya, ia menjadi antara amanah utama anak syarikat penjanaannya, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) yang melaksanakan inisiatif itu bersama masyarakat setempat dengan usahasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

“Jumlah ini adalah sebahagian daripada sejumlah 23,700 anak benih bakau yang



Benih-benih bakau yang ditanam berhampiran Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS), Manjung menerusi program pemulihan hutan bakau.

ditanam TNB di negeri-negeri Semenanjung. Selain Perak, TNB turut menanam pokok bakau di pesisiran pantai di Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan.

“Ia termasuk empat lokasi habitat kelip-kelip dipulihara oleh TNB di Kampung Kuantan di Kuala Selangor, Selangor; Kampung Dew di Taiping, Perak; Kampung Sungai Timun di Rembau,

Negeri Sembilan dan Kampung Yak Yah di Kemaman, Terengganu,” menurut kenyataan itu pada Ahad.

Mengulas lanjut, TNB berkata, TNB Genco dengan kerjasama MNS telah menanam 1,167 batang anak pokok bakau di pantai Stesen Janakuasa Tuanku Muhriz, Port Dickson, Negeri Sembilan meskipun berdepan Covid-19 bermula Januari hingga Disember 2021.